

Golongan muda digalakkan beli rumah sambil menabung untuk masa depan

Lebih banyak rumah belia dibina

Oleh NORAINI HASSAN BASRI

KUALA LUMPUR – Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan sebanyak 2,010 unit Perumahan Transit Belia akan dibina di Mukim Batu dan Kepong di sini yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Perdana Menteri berkata, kediaman tersebut berkonsepkan rumah studio dengan kadar sewa 30 peratus lebih rendah berbanding di pasaran terbuka.

Beliau berkata, golongan belia boleh menyewa kediaman tersebut pada kadar RM400 sebulan untuk unit studio berkeluasan 400 kaki persegi dan RM550 sebulan bagi unit dua bilik

yang berkeluasan 550 kaki persegi.

“Program ini sangat unik kerana sebanyak RM250 daripada kadar sewa yang dibayar setiap bulan akan disimpan. Jumlah itu akan dikumpul dan dikembalikan semula kepada penyewa tersebut selepas tamat tempoh penyewaan selama lima tahun,” katanya berucap pada Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Aman dan pelancaran Perumahan Transit Belia, Kepong di sini semalam.

Turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan

Tempatan (KPKT) Tan Sri Noh Omar. Hadir sama, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Najib, menerusi tabungan tersebut, selepas lima tahun, penyewa tersebut akan mempunyai simpanan terkumpul sebanyak RM15,000 untuk dijadikan deposit bagi membeli kediaman mereka sendiri.

Dalam pada itu, jelas Najib, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6 bilion untuk melaksanakan PPR di seluruh negara.

“Setakat ini sebanyak 83,759 unit PPR telah disiapkan dan kita ada 25,000 lagi dalam peringkat pelaksanaan yang akan disiapkan dalam beberapa tahun lagi,” katanya.



NAJIB (tiga dari kanan) memperkatakan sesuatu ketika melihat model Perumahan Transit Belia (RTB) yang bakal dibina di Jinjang Utara, Kuala Lumpur semalam.